

PENGARUH AMALAN PENYELIAAN TERHADAP PENGAJARAN KREATIF GURU

*Chuah Siew Mei

*Al Amin Mydin

Universiti Sains Malaysia

*smchuah_02@yahoo.com

ABSTRACT

Teachers' creative teaching needs to be given attention as an effort to cultivate culture on higher-order thinking skills (HOTS) among students. This study aimed to examine the influence of supervision practices on teachers' creative teaching. Quantitative research in the form of a survey using a questionnaire as a research instrument is used to collect data. This study involved 209 respondents from 11 primary schools in the North-East District, Pulau Pinang. Data was analyzed through descriptive and inferential statistical methods using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 26.0. The findings of this study showed that the practice of supervision and creative teaching of teachers are at a high level. This study also proved that there are significant direct and indirect relations and influence between supervision practices on teachers' creative teaching. In response, the researcher submitted suggestions for attention by stakeholders. The implication of the study findings and recommendations for further research are also discussed and proposed for future research.

Keywords: Supervision Practice, Teachers' Creative Teaching

PENGENALAN

Transformasi dalam pendidikan, pihak kementerian mengutamakan dari segi pemantauan, penilaian dan penambahbaikan supaya menjadi satu kitaran perancangan dalam mengembangkan sistem pendidikan negara (KPM, 2006). Sehubungan dengan itu, Naratif Baharu Amalan Pendidikan 2019 telah dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk fokus dan gerak kerja profesional daripada pihak kementerian. Dalam Naratif Baharu Amalan Pendidikan 2019 terdapat tiga subnaratif yang difokuskan, salah satu yang difokuskan ialah kepimpinan pendidikan di mana akan melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) sebagai alat pengurusan. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 3/1987, KPM telah mewajibkan pengetua atau guru besar (PGB) di semua sekolah menengah dan sekolah rendah supaya menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah secara sistematik dengan memenuhi setiap prinsip pelaksanaan yang telah digariskan (KPM, 1987).

Bagi mencapai matlamat kerajaan untuk menjadikan pendidikan Malaysia bertaraf antarabangsa (KPM, 2006) dan persediaan menyediakan pendidikan abad ke-21 (PAK 21) (KPM, 2013), penyeliaan merupakan satu platform untuk menambahbaikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Menurut Mardhiah Johari dan Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid (2016), penyeliaan terhadap PdPc dari semasa ke semasa penting sebagai satu rujukan kepada pengurusan kawalan dalam kualiti pengajaran guru. Penyeliaan merupakan satu garis panduan dalam penambahbaikan, pemantapan dan memberikan peluang terhadap perkongsian profesionalisme kegunaan yang dijalankan. Pelaksanaan penyeliaan

bukannya bertujuan untuk mencari kesalahan guru tetapi untuk membantu guru untuk memperbaiki kelemahan dalam PdPc. Penyelia harus melengkapkan diri dengan ilmu kepenyeliaan supaya dapat membantu memperbaiki dan memantaukan proses penyeliaan ini seterusnya membantu meningkatkan efikasi sendiri guru-guru terhadap perubahan pedagogi pengajaran.

Justeru, memajukan pendidikan PAK 21 yang lebih dinamik dan kreatif ini, guru bukan sahaja menghadapi kerja pengkeranian yang semakin berat, pengurusan masalah disiplin murid dan cabaran dalam mengajar, malah penggunaan pelbagai sumber sokongan untuk melaksanakan PdPc yang lebih kreatif dan berkualiti yang bersesuaian dengan perubahan terkini. Oleh yang demikian, guru harus diberikan kuasa untuk meneliti amalan mereka bagi menyelesaikan masalah PdPc untuk ke arah PAK 21. Sebagai guru, bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan pedagogi dalam bidang mengajar, malah juga perlu mempunyai daya kreativiti untuk mengendalikan masalah yang dihadapi supaya sesi PdPc dijalankan dengan lancar (KPM, 2013). Guru yang mempunyai kreativiti yang tinggi akan membawa kesan positif dalam PdPc, maka PdPc yang berkualiti seterusnya menyumbang kepada kualiti pembelajaran murid. Kesimpulannya, bagi merealisasikan pengajaran kreatif, seorang pentadbir yang berkesan haruslah dapat mengamalkan amalan penyeliaan dalam mempengaruhi guru-guru supaya meningkatkan komitmen guru terhadap PdPc dan menjadikan PdPc lebih kreatif serta bersesuaian dengan perkembangan semasa.

PENYATAAN MASALAH

Sistem pendidikan Malaysia berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi dunia pada masa kini. Bagi mencapai ke arah pendidikan bertaraf antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang mempunyai 11 anjakan transformasi pendidikan. Antaranya ialah transformasi dalam kurikulum pendidikan iaitu dengan memberi penekanan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) supaya dapat melahirkan generasi yang kreatif dan kritikal dalam kalangan murid-murid.

Kajian Bernard Tahim Bael et al. (2021) menunjukkan bahawa guru-guru masih belum mempunyai kesediaan penuh dan pemahaman yang lengkap dalam melaksanakan KBAT dan berpusatkan murid dalam PAK21. Justeru, kesediaan guru dalam perancangan dan pelaksanaan proses PdPc abad ke-21 di dalam bilik darjah harus diberi penekanan. Dapatan daripada Laporan Tahunan PPPM 2019 menunjukkan hanya 59.68% guru berada pada tahap cemerlang melaksanakan KBAT dalam PAK21 manakala selebihnya berada pada tahap lemah, sederhana dan baik. Jadi faktor kesediaan guru untuk berubah sangat perlu dalam menguasai dan melaksanakan PdPc yang lebih kreatif. Ini kerana proses PdPc akan menjadi lebih bermakna dan menarik sekiranya terdapat unsur kreativiti.

Teknik pengajaran yang berpusatkan guru dan kaedah tradisional sudah tidak sesuai pada masa kini. Terdapat guru beranggapan bahawa mengubah cara mengajar adalah sesuatu yang sukar dan tidak sesuai pada diri mereka. Kaedah PdPc secara '*chalk and talk*' akan menyebabkan pengajaran dan pembelajaran membosankan dan kurang berkesan. Oleh itu, proses PdPc melalui kaedah pengajaran kreatif harus dipertingkatkan supaya dapat merangsangkan minda murid. Menurut Siti Rohani Jasni et al. (2020), kreativiti dalam teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat memastikan pembelajaran dijalankan dengan berkesan serta menggalakkan minat dan motivasi murid. Lai et al. (2017) menunjukkan bahawa guru lebih mengamalkan teknik menghafal dalam berorientasikan peperiksaan. Kegagalan guru dalam menyebatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses PdPc akan menghasilkan murid-murid yang berfikiran pasif.

Malah, sepanjang pandemik Covid-19, KPM telah memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) bagi memastikan murid-murid dapat mengikuti aktiviti PdPc mereka. Guru pula menjalankan PdPc secara dalam talian menggunakan *Google Classroom* ataupun *Google*

Meet supaya murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran. Kajian Nur Hazirah Hairia'an dan Masayu Dzainudin (2020) menunjukkan guru kurang kreatif dalam membina perisian pendidikan, animasi dan multimedia semasa menjalankan PdPc secara dalam talian. Guru harus lebih kreatif untuk merancang proses PdPc secara dalam talian supaya murid tertarik dengan cara guru mengajar dan tidak berasa bosan.

Faktor penyeliaan merupakan salah satu pengaruh yang penting dalam mempengaruhi pelaksanaan proses pengajaran kreatif. Hal ini dapat dilihat melalui Glickman et al. (2018) penyelia mesti mempunyai pengetahuan, kemahiran interpersonal dan kemahiran teknikal untuk menjalankan proses penyeliaan. Kecekapan PCB menjalankan penyeliaan membolehkan mereka membantu guru-guru untuk memajukan kecekapan dalam menjalankan proses PdPc yang berkesan. Penyeliaan merupakan suatu kaedah mendapatkan maklumat yang meliputi pelbagai aktiviti seperti memerhati, membimbing, menguji, memperbaiki, menilai, menegur dan merunding tentang aktiviti PdPc.

Dalam kajian Ling dan Norasmah Othman (2018), amalan penyeliaan dapat membantu dalam meningkatkan kualiti semasa melaksanakan proses pengajaran. Dapatan kajian ini menunjukkan persepsi sebahagian guru berfikir lebih positif menganggap amalan penyeliaan merupakan usaha memartabatkan profesion perguruan supaya dipandang tinggi dan dihormati. Pihak pentadbir sekolah memainkan peranan dan bertanggungjawab dalam bekerjasama untuk mewujudkan kelancaran proses PdPc dalam bilik darjah. Perkongsian ilmu dan kerjasama antara penyelia dan guru merupakan elemen yang diperlukan dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran.

Kesedaran dan kefahaman guru terhadap pelaksanaan amalan penyeliaan akan membantu guru-guru untuk lebih cemerlang dalam PdPc. Justeru, amalan penyeliaan harus diteroka dengan mendalam untuk membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran seterusnya meningkatkan prestasi murid secara optima.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menenal pasti tahap amalan penyeliaan dan pengajaran kreatif guru di sekolah rendah daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
2. Mengkaji pengaruh amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru di sekolah rendah daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

SOROTAN KAJIAN

Amalan Penyeliaan

Penyeliaan merupakan suatu kaedah mendapatkan maklumat yang meliputi pelbagai aktiviti seperti memerhati, membimbing, menguji, memperbaiki, menilai, menegur dan merunding tentang aktiviti PdPc. Berdasarkan SPI Bil. 3/1987: Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Di Dalam Kelas Oleh Pengetua dan Guru Besar (PGB) pada tahun 1987, KPM telah mengarahkan PGB bertanggungjawab melaksanakan proses penyeliaan pengajaran dan pembelajaran secara rapi serta sistematik bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolah.

Kajian yang dibuat oleh Che Khairuleffendi Che Kamaruzaman et al. (2019) menunjukkan aspek penyeliaan pengajaran paling kurang dititikberatkan oleh PGB kerana mereka lebih memberi tumpuan kepada urusan pentadbiran sekolah. Hal ini juga disokong oleh kajian Sarimah Ismail et al. (2012) yang menyatakan bahawa pengetua sentiasa sibuk untuk menghadiri mesyuarat di merata tempat dan penyeliaan PdPc guru biasanya dijalankan oleh penolong kanan dan ketua panitia sekolah. Oleh yang

demikian, guru-guru merasakan proses penyeliaan yang dijalankan tidak membantu mereka dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pendekatan pengajaran mereka.

Menurut kajian Mardhiah Johari dan Rabiatul-Adawiah Rashid (2016), guru mempunyai tanggapan yang negatif tentang matlamat penyeliaan dijalankan dan guru juga kurang berminat untuk diselia. Ekoran daripada itu, dalam kajian Sarimah Ismail et al., (2012), PGB berpendapat bahawa tugas penyeliaan telah menambahkan beban kerja mereka manakala guru pula beranggapan pelaksanaan penyeliaan pengajaran adalah untuk memberi lebih banyak peluang dan ruangan kepada PGB untuk mencari kelemahan dan kesalahan guru-guru. Hal ini tidak bertepatan dengan pandangan dan pendapat Glickman et al. (2018) yang menyatakan bahawa proses penyeliaan seharusnya membantu dalam perkembangan profesionalisme guru-guru.

Berdasarkan Laporan Tahunan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM 2018 mendapati bahawa masih terdapat pemimpin yang kurang mahir dalam kandungan SKPMg2 (Standard 4) dan kaedah menjalankan pencerapan. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa latihan penskoran SKPMg2 telah dijalankan untuk meningkatkan kompetensi, ilmu dan kemahiran, langkah menjalankan pencerapan serta keyakinan untuk membuat pencerapan. PGB yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih baik daripada guru yang diselia akan membantu mereka menjalankan proses PdPc dengan lebih berkualiti.

Laporan oleh Jemaah Nazir Negeri Pulau Pinang (2020) mendapati bahawa taraf keseluruhan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru adalah berada pada tahap sederhana. Laporan tersebut juga jelas menunjukkan bahawa aspek guru sebagai pendorong minda belum dilaksanakan secara tekal. Bantuan langsung oleh penyelia diperlukan untuk membantu guru meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi, memfokuskan KBAT, menerapkan elemen penyelesaian masalah dan amalan PdPc abad ke-21 seperti kolaboratif dalam proses PdPc seterusnya meningkatkan pemikiran KBAT murid secara optima.

Mohammad Azri Amatan et al. (2019) berpandangan bahawa sejajar dengan perkembangan cara pembelajaran murid dan keperluan kurikulum semasa, kriteria penyeliaan juga perlu melakukan perubahan. Kajian yang dilakukan oleh Anusuya (2013) berpandangan bahawa PGB harus percaya terhadap amalan penyeliaan yang berkala dapat membantu guru-guru dalam mengenal pasti kebolehan dan bakat mereka yang seterusnya boleh meningkatkan prestasi guru secara tidak langsung. Peningkatan pendekatan pengajaran guru juga akan memberi kesan terhadap pencapaian murid turut ditingkatkan. Menurut Glickman et al. (2018) seorang penyelia mesti mempunyai pengetahuan, kemahiran interpersonal dan kemahiran teknikal untuk menjalankan proses penyeliaan. Kecekapan PCB menjalankan penyeliaan membolehkan mereka membantu guru-guru untuk memajukan kecekapan dalam menjalankan proses PdPc yang berkesan. Oleh yang demikian, PGB diharapkan dapat selalu memberikan bimbingan dan penyeliaan yang berkualiti kepada guru dengan memainkan peranan dan menunaikan tanggungjawab yang sewajarnya supaya guru dapat menjadi seorang warga pendidik yang lebih berkualiti dan ketrampilan.

Pengajaran Kreatif Guru

Amalan pengajaran kreatif pada abad ke-21 kini sering dikaitkan dengan kebolehan kreatif guru yang bukan setakat merancang pengajaran tetapi juga meliputi kreativiti dalam proses PdPc dalam bilik darjah. Dalam mengharungi dunia yang mencetuskan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) pada pertengahan tahun 2016 dengan membabitkan teknologi aotumasi, cabaran baharu tersebut telah meresap ke dalam pelbagai bidang dalam negara. Justeru, bidang pendidikan juga memerlukan pendekatan terbaik untuk menghadapi revolusi alaf baru ini supaya generasi akan datang dapat kekal berdaya saing dan tidak terpinggir dalam era globalisasi. Menurut Maszlee Malik (2019), guru harus berani membuat perubahan dan mempunyai kreativiti dan inovasi yang tinggi.

Dalam konteks pendidikan hari ini, guru mesti sentiasa bersedia untuk menempuhi cabaran yang tercetus dalam bidang pendidikan seiring dengan IR 4.0 yang berlaku di era globalisasi. Sebagai individu yang memikul tanggungjawab sebagai ejen perubahan, guru tidak perlu terikat dengan suatu cara sahaja dalam menjalankan PdPc, sebaliknya guru mesti mempunyai pemikiran di luar kotak yang sentiasa berfikir untuk mencari pendekatan yang baru dan lebih berkesan. Amalan pengajaran yang menerapkan dan membudayakan amalan pengajaran kreatif untuk mengubah amalan PdPc yang tradisional semakin menarik perhatian di seluruh dunia.

Selain itu, KPM juga menitikberatkan terhadap peningkatan pengajaran abad ke-21 dalam aspek PdPc dan mengjangkakan kaedah ini dibudayakan di semua sekolah. Ainun Rahmah Iberahim et al., (2017) berpandangan bahawa kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran pembelajaran yang penting dan diperlukan oleh murid untuk berkemampuan untuk berdaya saing pada masa kini. Elemen-elemen dalam PAK 21 iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika telah membawa perubahan dalam PdPc kepada warga pendidik (Institut Aminuddin Baki, 2017). KPM memfokuskan kepada peningkatan pengajaran kreatif dalam PdPc dan mengjangkakan pendekatan ini akan dibudayakan di seluruh negara. Oleh itu, kemahiran ini perlu diterapkan oleh guru dengan mengintegrasikan kaedah pengajaran yang merangkumi pembelajaran koperatif, bilik darjah demokratik dan teknik motivasi yang bersesuaian (Rohani Arbaa et al., 2017).

Di Malaysia, keadaan yang biasa dilihat adalah PdPc di sekolah adalah membosankan, guru sering berlumba untuk menghabiskan sukatan pelajaran untuk menghadapi peperiksaan. Pengetahuan dan kemahiran yang didapati oleh pelajar berasingan daripada pemahaman dan penghayatan. Proses PdPc yang biasa berlaku di dalam bilik darjah adalah berbentuk sehala iaitu hanya guru yang memberikan arahan sahaja. PdPc yang sedemikian akan mengehadkan kejayaan proses PdPc di dalam bilik darjah. Murid akan berasa bosan dan tidak berminat untuk belajar di mana PdPc yang kekurangan aspek kreatif. Sehubungan itu, guru-guru perlu mempunyai keyakinan sendiri yang tinggi untuk menjadikan dirinya seorang yang mempunyai pemikiran yang kreatif dalam proses PdPc.

Menurut Rinkevich (2011) pengajaran kreatif dapat memberi kesan positif terhadap perkembangan kognitif dan pencapaian murid kerana aktiviti yang kreatif boleh merangsangkan kreativiti dan keterbukaan murid dalam menerima maklumat. Guru yang mengamalkan pengajaran kreatif dalam bilik darjah agar kriteria SKPMg2 tercapai sekaligus merealisasikan 6 aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Kesimpulannya, jika matlamat sekolah adalah untuk meningkatkan kualiti pengajaran pendidikan, maka penyelia perlu menyediakan murid yang berfikiran yang kreatif, keupayaan menyelesaikan masalah, mempunyai pemikiran aras tinggi dan suasana pembelajaran yang kolaboratif. PGB mestilah mewujudkan suasana yang sama bagi guru yang bertanggungjawab dalam meningkatkan pencapaian murid dan sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan reka bentuk penyelidikan kuantitatif secara tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Menurut pandangan Gay et al. (2012) yang menekankan kebaikan soal selidik bahawa data yang dikumpulkan dapat diseragamkan dengan mudah dan kaedah ini juga mampu mengumpul data dengan masa, tenaga dan kos yang minimum. Creswell dan Creswell (2017) menyatakan bahawa reka bentuk kajian tinjauan ke atas sampel atau populasi untuk menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku atau ciri dalam populasi tersebut.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian dipilih ialah guru-guru daripada sekolah rendah di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Responden terdiri daripada guru-guru yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran. Bagi memilih sampel sekolah, persampelan rawak mudah digunakan dan terdapat 11 buah sekolah dipilih untuk menepati kriteria sekolah kajian. Dari jumlah populasi guru sekolah rendah yang terpilih di daerah Timur Laut ialah seramai 412 orang, saiz sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 196 orang guru berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Krejcie dan Morgan (1970). Dalam persampelan rawak mudah, setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai ahli sampel. Borang Google Form dihantar melalui WhatsApp dan telegram kepada 11 buah sekolah rendah di daerah Timur Laut, Pulau Pinang bagi menjawab soal selidik ini. Namun hanya terdapat 277 maklum balas berjaya diterima dengan kadar pulangan 67.2 peratus.

Instrumen Kajian

Soal selidik akan dijadikan sebagai instrument kajian ini. Item-item soal selidik adalah diadaptasi daripada kajian-kajian lepas. Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A terdiri daripada item yang berkaitan dengan maklumat demografi responden. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan jantina, umur, pengalaman mengajar siapa penyelia responden dan bilangan penyeliaan dilakukan. Bahagian B ini mencakupi item yang berkaitan dengan amalan penyeliaan yang dibahagi kepada 3 dimensi iaitu kemahiran penyelia, kepercayaan terhadap penyelia dan bantuan langsung. Responden kajian akan menjawab soal selidik berdasarkan Skala Likert Lima Mata iaitu 1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Kurang Setuju, 4 – Setuju dan 5 – Sangat Setuju bagi Bahagian B. Bahagian C pula adalah mengenai pengajaran kreatif guru yang terdiri daripada 4 dimensi iaitu keaslian, keluwesan, kejelasan dan kelancaran. Item-item dalam Bahagian C akan diukur dengan menggunakan Skala Likert Lima Mata iaitu 1 – Sangat Tidak Kerap, 2 – Tidak Kerap, 3 – Kurang Kerap, 4 – Kerap dan 5 – Sangat Kerap. Ujian kesahan bagi setiap item dijalankan dengan merujuk kepada 3 orang pakar menunjukkan nilai nisbah kesahan kandungan (CVR) bagi setiap item pada tahap memuaskan. Ujian rintis yang dijalankan terhadap 30 orang sampel menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* berada pada tahap yang sangat baik iaitu antara 0.93 hingga 0.98.

Analisis Data

Pengkaji akan menganalisis data kajian ini dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 26. Kaedah deskriptif akan menunjukkan skop frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai untuk mengenal pasti faktor demografi seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, kelayakan ikhtisas dan tempoh bertugas di sekolah semasa responden. Kaedah ini juga digunakan untuk mengenal pasti tahap penyeliaan dan pengajaran kreatif guru. Kaedah inferensi seperti ujian regresi mudah akan digunakan untuk menguji pengaruh antara amalan penyeliaan dan pengajaran kreatif guru.

DAPATAN KAJIAN

Tahap Amalan Penyeliaan

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan variabel amalan penyeliaan berada pada tahap tinggi ($M = 3.83$, $SD = .52$). Secara terperinci, dimensi kemahiran penyelia berada pada tahap tinggi ($M = 3.89$, $SD = .55$), dimensi kepercayaan terhadap penyelia ($M = 3.80$, $SD = .56$) dan dimensi bantuan langsung ($M = 3.81$, $SD = .57$). Hasil kajian ini secara keseluruhan menunjukkan bahawa amalan penyeliaan amat diberi perhatian di sekolah-sekolah rendah di daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Jadual 1

Tahap Amalan Penyeliaan

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kemahiran penyelia	3.89	.55	Tinggi
Kepercayaan terhadap penyelia	3.80	.56	Tinggi
Bantuan langsung	3.81	.57	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	3.83	.52	Tinggi

Tahap Pengajaran Kreatif Guru

Dapatan dalam Jadual 2 menunjukkan variabel pengajaran kreatif guru berada pada tahap tinggi ($M = 3.92$, $SD = .46$). Secara terperinci, dimensi kejelasan berada pada tahap tinggi ($M = 3.92$, $SD = .49$), dimensi kelancaran ($M = 3.97$, $SD = .52$), dimensi keluwesan ($M = 3.95$, $SD = .51$) dan dimensi keaslian ($M = 3.87$, $SD = .49$). Secara keseluruhan, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran kreatif guru di sekolah-sekolah rendah daerah Timur Laut, Pulau Pinang berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 2

Tahap Pengajaran Kreatif Guru

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kejelasan	3.92	.49	Tinggi
Kelancaran	3.97	.52	Tinggi
Keluwesuan	3.95	.51	Tinggi
Keaslian	3.87	.49	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	3.92	.46	Tinggi

Interkolerasi antara Amalan Penyeliaan dan Pengajaran Kreatif Guru

Dalam kajian ini, interkolerasi antara dimensi-dimensi bagi amalan penyeliaan dan pengajaran kreatif guru dapat dikenal pasti melalui ujian kolerasi *Pearson*. Jadual 3 di bawah menunjukkan interkolerasi antara dimensi-dimensi tersebut.

Jadual 3

Interkolerasi antara amalan penyeliaan dan pengajaran kreatif guru

	KP	KTP	BL	JEL	LAN	LUW	ASL
KP							
KTP	.84**						
BL	.79**	.86**					
JEL	.55**	.62**	.68**				
LAN	.55**	.60**	.64**	.78**			
LUW	.56**	.58**	.66**	.82**	.76**		
ASL	.56**	.59**	.65**	.82**	.75**	.76**	

** Signifikan pada paras $p < .01$

Kemahiran Penyelia (KP), Kepercayaan Terhadap Penyelia (KTP), Bantuan Langsung (BL), Kejelasan (JEL), Kelancaran (LAN), Keluwesan (LUW), Keaslian (ASL)

Dapatan kajian dalam Jadual 3 menunjukkan interkolerasi antara dimensi dalam variabel amalan penyeliaan dengan pengajaran kreatif guru adalah signifikan pada julat $.55 \leq r \leq .68$. Hubungan linear yang sederhana wujud dalam dimensi dalam variabel-variabel tersebut. Interkolerasi yang paling kuat ialah ($r = .68$, $p < .5$) wujud antara dimensi bantuan langsung dan kejelasan.

Pengaruh Amalan Penyeliaan terhadap Pengajaran Kreatif Guru

Bagi mengenal pasti pengaruh antara dimensi bagi amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru, analisis regresi linear berganda telah digunakan. Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis regresi linear berganda bagi pengaruh amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru.

Jadual 4

Analisis Pengaruh Amalan Penyeliaan Terhadap Pengajaran Kreatif Guru

Dimensi Amalan Penyeliaan	Pengajaran Kreatif Guru			
	Kejelasan	Kelancaran	Keluwesannya	Keaslian
Kemahiran penyelia	-.07	.05	.09	0.7
Kepercayaan terhadap penyelia	.19	.188	.01	.07
Bantuan langsung	.58*	.44*	.59*	.54*
R	.69	.65	.67	.66
R ²	.48	.42	.44	.43
R ² terselaras	.47	.41	.43	.42
Nilai F	61.85*	49.39*	54.08*	52.02*

*Signifikan pada paras $p < .05$

Dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan dimensi-dimensi amalan penyeliaan telah menyumbang sebanyak 47 peratus perubahan varians dalam variabel pengajaran kreatif guru bagi dimensi kejelasan, 41 peratus perubahan varians dalam dimensi kelancaran, 43 peratus perubahan varians dalam dimensi keluwesannya dan 42 peratus perubahan varians bagi dimensi keaslian. Dapatan secara terperinci seperti dalam Jadual 1.6 menunjukkan bahawa variabel amalan penyeliaan bagi dimensi bantuan langsung didapati mempunyai hubungan signifikan dengan variabel pengajaran kreatif bagi dimensi kejelasan ($\beta = .58, p < .05$), dimensi kelancaran ($\beta = .44, p < .05$), dimensi keluwesannya ($\beta = .59, p < .05$) dan dimensi keaslian ($\beta = .54, p < .05$). Berdasarkan keputusan analisis dalam Jadual 4 dapat dirumuskan bahawa amalan penyeliaan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengajaran kreatif guru.

PERBINCANGAN

Dari aspek tahap amalan penyeliaan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap amalan penyeliaan adalah tinggi dan menjelaskan bahawa amalan penyeliaan amat diberi perhatian di sekolah-sekolah rendah di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Mengikut dapatan kajian Mohd Fairuz Jafar et al. (2019), Mohammad Azri Amatan et al. (2019), Simin Ghavifekr et al. (2019), Mislinah Makin et al. (2018), Nur Nazurah Noramin Chang dan Khadijah Daud (2018), dan Mardhiah Johari dan Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid (2016) turut memperkukuhkan lagi dapatan kajian ini dengan mengatakan bahawa tahap amalan penyeliaan yang tinggi dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran kreatif guru di dalam bilik darjah. Kesimpulan dari dapatan ini membuktikan bahawa amalan penyeliaan amat penting dalam penambahbaikan kelemahan guru dalam PdPc. Amalan penyeliaan yang bermutu dan berkesan akan mempengaruhi guru-guru untuk lebih cemerlang dalam PdPc. Penyelia yang mempunyai kemahiran dan keupayaan yang tinggi akan meyakinkan guru bahawa sesi penyeliaan yang dijalankan bukan untuk mencari kesalahan mereka malah adalah membantu mereka meningkatkan proses PdPc. Selain itu, sesi penyeliaan ini adalah untuk menggalakkan perkembangan profesional dan pertukaran idea dalam kalangan guru. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan profesionalisme guru dalam PdPc.

Dari aspek tahap pengajaran kreatif guru pula, dapatan dalam kajian ini menunjukkan keseluruhan variabel pengajaran kreatif guru berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pengajaran kreatif guru sekolah rendah di daerah Timur Laut, Pulau Pinang berada pada tahap yang tinggi. Peningkatan pengajaran kreatif merupakan salah satu perubahan dan cabaran yang perlu bersiap

sedia untuk menerima oleh guru-guru dalam dunia pendidikan yang semakin mencabar. Ini selari dengan dapatan kajian Mohammad Azri Amatan et al. (2019), Azhari Mariani (2016) dan Mohammad Rusdi Ab Majid dan Zawawi Ismail (2017) juga menunjukkan tahap pengajaran kreatif guru pada tahap yang tinggi. Rinkevich (2011) menyatakan bahawa kepentingan pengajaran kreatif dalam pengajaran harus dipertingkatkan untuk memberikan manfaat kepada murid dan juga dapat menggalakkan pembelajaran KBAT murid. Untuk melaksanakan pengajaran kreatif, guru perlu memiliki pengetahuan pedagogi kandungan dan juga kemahiran dalam melaksanakan pengajaran. Guru-guru mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sesuai dan fleksibel bagi menjadikan PdPc menarik dan menyeronokkan.

Dari aspek pengaruh amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru, dapatan kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan amalan penyeliaan yang berkesan amat penting dalam membantu dan memartabatkan profesionalisme guru. Kesedaran dan kefahaman guru terhadap pelaksanaan amalan penyeliaan akan membantu guru-guru untuk lebih cemerlang dalam PdPc dan akhirnya membantu meningkatkan prestasi murid di sekolah. Keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawa penyelia yang mempunyai kemahiran yang tinggi dapat membantu guru mengenal pasti kelemahan dalam pengajaran dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan PdPc. Sebagai seorang penyelia yang cemerlang seharusnya sentiasa memberi bantuan kepada guru-guru di bawah seliaannya dan juga menggalakkan perkongsian ilmu antara guru. Dapatan ini juga bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Ling dan Norasmah Othman (2018) yang menunjukkan amalan penyeliaan yang semakin berkesan yang dijalankan oleh pihak pentadbir maka semakin meningkatkan kualiti pengajaran guru. Ini bermaksud guru-guru sedar terhadap kelemahan mereka yang berkaitan dengan PdPc dan sentiasa berusaha memperbaiki kelemahan mereka supaya PdPc menjadi lebih baik pada masa hadapan.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini diharap dapat memberikan implikasi yang bermanfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Institut Aminuddin Baki (IAB), pengetua, guru dan sekolah. Gabungan aspek amalan penyeliaan dan pengajaran kreatif guru adalah penting dalam mewujudkan PdPc yang bersesuaian pada abad ke-21 ini. Selain itu, kajian ini diharapkan menjadi satu rujukan kepada KPM dalam menghasilkan SPI yang baharu dan berupaya penambahbaikan kepada SPI yang sedia ada. Pihak-pihak berkepentingan ini juga bertanggungjawab memberikan latihan dan bimbingan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan perlu merancang, menyusun atur dan menambahbaik bidang, modul, kursus atau program latihan yang berkesan dan diperlukan oleh pentadbir sekolah sebagai asas mereka melaksanakan amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru di sekolah. Sehubungan itu, pihak pentadbir dan jemaah nazir yang menilai guru di sekolah perlu berusaha secara berterusan dalam pelaksanaan amalan penyeliaan di sekolah dengan memberikan bantuan, motivasi, berkongsi idea dan berbincang dengan guru mengenai hasil penyeliaan. Elemen-elemen dalam penilaian penyeliaan membolehkan guru-guru memperbaiki kelemahan dan kekurangan diri dan seterusnya meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti tahap dan pengaruh yang wujud antara amalan penyeliaan dan pengajaran kreatif guru. Perbincangan di dalam kajian ini boleh menjadikan satu panduan kepada pihak KPM dan guru besar sekolah untuk menilai semula aspek-aspek yang berkaitan dan memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti semasa melaksanakan amalan penyeliaan. Oleh itu, tanggungjawab pihak pentadbir adalah untuk memastikan amalan penyeliaan yang bermutu dilaksanakan supaya pengajaran kreatif guru dapat dipertingkatkan. Kajian ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan. Perbincangan dapatan kajian ini telah dijelaskan selaras dengan persoalan kajian. Implikasi kajian

terhadap teori dan praktikal dalam bidang pendidikan juga telah dibincangkan. Cadangan-cadangan kajian turut dikemukakan untuk kajian selanjutnya pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Ainun Rahmah Ibrahimi, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77–88.
- Anusuya, K. (2013). Tahap Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Bilik Darjah Dengan Efikasi Guru Di SK Zon Batu Anam, Segamat. [Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia].
- Azhari Mariani. (2016). Model Pengajaran Kreatif Berteraskan Kompetensi, Personaliti dan Rangsangan Kreativiti Guru Matematik Berpendekatan Pemodelan Persamaan Struktur. [Tesis Ph.D, Universiti Teknologi Malaysia].
- Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan, & Maslinda Pungut. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraaan abad ke 21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(1), 100–119. <https://doi.org/https://doi.org/10.33306/mjssh/115>.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design : Qualitative, quantitative, and mixed Methods approaches* (5th Ed.). SAGE Publications, Inc.
- Che Khairuleffendi Che Kamaruzaman, Mohd Faiz Mohd Yaakob, & Hapini Awang. (2019). Tahap dan perasaan ketika penyeliaan pengajaran guru: Kajian di Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 2(1).
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2012). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (10th Ed.). Pearson.
- Glickman, C. D., Gordon, S. P., & Ross-Gordon, J. M. (2018). *Supervision and instructional leadership: A developmental approach* (10th Ed.). Pearson.
- Institut Aminuddin Baki Pasukan Pemikir PAK21. (2017). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke -21*. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://eprints.iab.edu.my/v2/id/eprint/592>
- Jemaah Nazir Negeri Pulau Pinang. (2020). *Laporan Pemeriksaan/Penilaian, Aktiviti/Program JNNPP Tahun 2020*. <https://pubhtml5.com/oswe/pwcp>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1987). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987:Penyeliaan Pengajaran-Pembelajaran Di Dalam Kelas Oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2119-surat-pekelling-ikhtisas-bilangan-3-tahun-1987-penyeliaan-pengajaran-pembelajaran-di-dalam-kelas-oleh-pengetua-atau-guru-besar-sekolah/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. <https://www.padu.edu.my/my/resources/meb-2013-2025/pppm/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Laporan Tahunan 2018 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/2615-laporan-tahunan-2018-bpsh/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. https://www.padu.edu.my/my/annual_report/2018/
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Ling, C. J., & Norasmah Othman. (2018). Amalan penyeliaan dan hubungannya dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*,

- 3(22), 28–48.
- Mardhiah Johari, & Rabiatal-Adawiah Ahmad Rashid. (2016). Jurnal kepimpinan pendidikan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3), 44–53.
- Maszlee Malik. (2019). Guru perlu bersedia tempuh cabaran revolusi industri. *BERNAMA*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/05/563340/guru-perlu-bersedia-tempuh-cabaran-revolusi-industri>
- Mislinah Makin, Zuraidah Abdullah, & Salwati Shafee. (2018). The art of supervision: Role of supervisory skills in developing teacher capacity. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 6(4), 37–55. <https://doi.org/https://doi.org/10.22452/mojem.vol6no4.3>
- Mohammad Azri Amatan, & Han, C. G. K. (2019). Pengaruh persekitaran psikososial sekolah dan efikasi sendiri guru terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 315–327. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4320027>
- Mohammad Azri Amatan, Lee, J. A., Ramlah Ag. Ali, & Rusnah Rubin. (2019). Persepsi amalan penyeliaan pengajaran guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Kawasan Bandar di Penampang, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 238–250. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4330019>
- Mohammad Rusdi Ab Majid, & Zawawi Ismail. (2017). Kreativiti pengajaran guru Bahasa Arab di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(4), 27–38.
- Mohd Fairuz Jafar, Shahizan Hasan, Shahabuddin Hashim. (2019). Pemerhatian pengajaran rakan guru dan penyeliaan pensyarah sebagai peramal terhadap efikasi sendiri guru pelatih di IPGM. *Jurnal IPDA*, (26), 230–251.
- Nur Nazurah Noramin Chang, & Khadijah Daud. (2018). Amalan penyeliaan klinikal mempengaruhi tahap keberkesanan pengajaran guru di daerah Kuala Kangsar. *Sains Humanika*, 10(3–2), 79–87.
- Rinkevich, J. L. (2011). Creative teaching: Why it matters and where to begin. *The Clearing House: A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas*, 84(5), 219–223. <https://doi.org/10.1080/00098655.2011.575416>
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil, & Mohammad Zohir Ahmad. (2017). Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1–11. <http://ejournal.ukm.my/jpend/issue/view/981>
- Sarimah Ismail, Chia, P., & Rohana Hamzah. (2012). *Komponen Penyeliaan Pengajaran Guru-Guru Teknikal Di Malaysia*
- Simin Ghavifekr, Hamizah Husain, Nur Afiqah Rosden, & Zulaida Wan Hamat. (2019). Clinical supervision: Towards effective classroom teaching. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 7(4), 30–42.
- Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani, & Hakim Zainal. (2020). Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 10–21.